


**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA DAN GERAI
(MAJLIS DAERAH BATU GAJAH)
2020.**

Tarikh Warta :
27 Ogos 2020 (Pk. P.U. 18)

ms : 133 – 176


MOHAMAD HAIKAL HAKMIE BIN SHAFIE
PEMBANTU TAOBIR
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73
No. 18

27hb Ogos 2020

TAMBAHAN No. 12
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 18.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA DAN GERAI
(MAJLIS DAERAH BATU GAJAH) 2020

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang
kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Dilarang menjaja atau mengendalikan gerai tanpa lesen
4. Permohonan lesen
5. Kesahan lesen

Undang-
undang
kecil

6. Pembaharuan lesen
7. Lesen tidak boleh dipindah milik
8. Lesen gerai hendaklah berkenaan dengan tapak tertentu
9. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
10. Penggantungan atau pembatalan lesen
11. Penyerahan balik lesen
12. Lesen gantian
13. Pemegang lesen tidak hadir
14. Pengambilan pembantu

BAHAGIAN III

GERAI DAN PENJAJA

15. Ukuran gerai
16. Tambahan atau ubahan dilarang
17. Larangan
18. Mengosongkan tempat menjaja
19. Penjaja beredar
20. Penjaja beredar yang menggunakan kenderaan

BAHAGIAN IV

KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

21. Pemeriksaan kesihatan
22. Kursus pengendali makanan
23. Kebersihan
24. Kayu api atau arang tidak dibenarkan
25. Penyebaran habuk, dsb.
26. Bising
27. Pengawalan serangga dan binatang perosak
28. Makanan dan minuman hendaklah ditutup
29. Air untuk diminum, memasak atau membasuh
30. Kebersihan diri
31. Mengadakan tong sampah

Undang-undang kecil

32. Sampah busuk, sampah pepejal basah *dsb.*
33. Pembuangan sampah
34. Penyenggaraan gerai

BAHAGIAN V

PASAR MALAM DAN PASAR PAGI

35. Pasar malam dan pasar pagi
36. Syarat dan sekatan

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

37. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
38. Penggeledahan
39. Kuasa untuk menghendaki nama, *dsb.*, diberikan
40. Pemeriksaan ke atas orang perempuan
41. Penyitaan
42. Pelucuthakan
43. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
44. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
45. Tiada kos atau gantirugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
46. Kuasa untuk menutup gerai
47. Kuasa menangkap
48. Majlis tidak bertanggung atas kehilangan atau kerosakan
49. Halangan, *dsb.*

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

50. Penalti
51. Pendakwaan
52. Pengkompaunan kesalahan
53. Pembatalan dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA DAN GERAI
(MAJLIS DAERAH BATU GAJAH) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 73, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Batu Gajah membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Penjaja dan Gerai (Majlis Daerah Batu Gajah) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Batu Gajah.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang” termasuklah apa-apa perkhidmatan yang diberi;

“gerai” termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, kenderaan, petak peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa jua jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya, sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau tidak, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

“kenderaan” ertinya apa-apa kenderaan yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuklah basikal dan trisikal bagi maksud menjaja;

“lesen” ertinya lesen penjaja atau lesen gerai yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Batu Gajah;

“pasar malam atau pagi” ertinya mana-mana tempat di mana menjaja dibenarkan pada waktu malam atau pagi pada hari atau hari-hari yang ditentukannya oleh Pihak Berkuasa Melesen pada masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“penjaja” termasuklah penjaja beredar, statik atau sementara;

“penjaja beredar” ertinya mana-mana orang yang dengan atau tanpa kenderaan pergi dari setempat ke setempat untuk mempamerkan, mengedarkan atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang dari apa-apa jenis;

“penjaja sementara” ertinya mana-mana orang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang dari apa-apa jenis di petak dalam pasar malam atau pagi yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Pihak Berkuasa Melesen bagi tempoh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen;

“penjaja statik” ertinya mana-mana orang mendirikan gerai di mana-mana tempat awam atau premis persendirian dan menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang dari apa-apa jenis;

“petak” ertinya mana-mana ruangan yang ditandakan oleh Pihak Berkuasa Melesen di mana makanan, minuman atau barang dari apa-apa jenis boleh dijual atau dipamerkan untuk jualan;

“petak peraga dinding” ertinya suatu struktur yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen yang dibina di atas atau bersebelahan mana-mana bahagian dinding sesebuah bangunan;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis Daerah Batu Gajah yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, jalan, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhaskan atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Dilarang menjaja atau mengendalikan gerai tanpa lesen

3. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai penjaja atau pengendali gerai tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan lesen

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan atau memperbaharui lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri semasa permohonan lesen.

(3) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua; dan

(b) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(5) Hendaklah dimasukkan dalam sesuatu lesen penjaja butir-butir berikut—

(a) nama, alamat terkini dan nombor kad pengenalan pemegang lesen;

(b) gambar terbaharu berukuran pasport pemegang lesen;

(c) tempoh sah lesen;

(d) jenis lesen;

(e) jenis makanan, minuman atau barang yang akan dijual;

(f) nama, alamat, nombor kad pengenalan dan gambar terbaharu berukuran pasport pembantu yang diambil kerja oleh pemegang lesen, jika ada;

(g) waktu perniagaan; dan

(h) terma, syarat dan sekatan yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Hendaklah dimasukkan dalam sesuatu lesen gerai butir-butir yang berikut—

- (a) nama, alamat terkini dan nombor kad pengenalan pemegang lesen;
- (b) tempoh sah lesen;
- (c) tapak perniagaan; dan
- (d) terma, syarat dan sekatan yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(7) Walau apa pun di dalam perenggan (4) kadar fi lesen boleh ditentukan berdasarkan tempoh dan bahagian atau apa jua kaedah yang mana kadar tersebut boleh menjadi lebih rendah daripada kadar yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua.

Kesahan lesen

5. (1) Sesuatu lesen jika ia tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan daripada tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

(2) Walau apa pun, dalam undang-undang kecil ini Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen yang sah berkuat kuasa selama tempoh tidak lebih daripada tiga puluh enam bulan daripada tarikh kuat kuasa lesen berkenaan.

Pembaharuan lesen

6. (1) Suatu permohonan pembaharuan lesen boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dengan bayaran fi sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa permohonan dibuat.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh membaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon untuk menyelesaikan sebarang bayaran kepada Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(5) Apabila suatu lesen diperbaharui Pihak Berkuasa Melesen boleh mengenakan syarat baharu.

Lesen tidak boleh dipindah milik

7. (1) Tiada lesen boleh dipindah milik atau diserahkan hak tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Fi pindah milik lesen atau serah hak adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

Lesen gerai hendaklah berkenaan dengan tapak tertentu

8. (1) Suatu lesen gerai hendaklah berkenaan dengan tapak yang ditentukan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Pihak Berkuasa Melesen boleh membenarkan apa-apa pemindahan tapak mana-mana gerai atau petak dalam sesuatu tempat menjaja atau dari suatu tempat menjaja ke suatu tempat menjaja yang lain dan fi yang kena dibayar hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

9. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam gerai dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Pemegang lesen yang gagal untuk mempamerkan atau mengemukakan lesennya di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud peruntukan ini, suatu rujukan kepada "lesen" hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai salinan sebenar lesen itu dan salinan lesen yang diperakui hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Penggantungan atau pembatalan lesen

10. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh, pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan mana-mana lesen jika pemegang lesen gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat atau sekatan lesen itu.

(2) Mana-mana orang yang menjalankan atau menguruskan suatu gerai semasa tempoh penggantungan lesen atau setelah lesen dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan.

Penyerahan balik lesen

11. Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila lesen itu telah tamat tempoh, digantung atau dibatalkan.

Lesen gantian

12. (1) Jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa apa-apa lesen yang diberikan telah hilang, cacat atau rosak, Pihak Berkuasa Melesen itu boleh mengeluarkan suatu lesen gantian untuk menggantikan lesen itu apabila dibayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Suatu lesen gantian tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan lesen yang diberikan telah cacat atau rosak melainkan lesen asal diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Melesen untuk pembatalan.

Pemegang lesen tidak hadir

13. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaannya di tempat yang dilesenkan.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaan di tempat yang dilesenkan selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah melantik seorang nomini mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Sesuatu permohonan bagi kelulusan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah menyatakan nama, alamat terbaharu dan nombor kad pengenalan orang yang hendak dinamakan itu dan hendaklah disertakan bersama sekeping gambar terbaharu berukuran pasport orang itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen tidak boleh memberi apa-apa kelulusan di bawah perenggan (2) bagi apa-apa tempoh lebih daripada tiga bulan kecuali dalam keadaan-keadaan yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Pengambilan pembantu

14. (1) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh mengambil kerja mana-mana pembantu tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan kebenaran itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah menyatakan nama, alamat terbaharu dan nombor kad pengenalan orang yang hendak diambil kerja dan hendaklah disertakan bersama sekeping gambar terbaharu berukuran pasport orang itu.

(3) Jika sesuatu permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menghendaki pemegang lesen itu mengemukakan lesennya bagi maksud memasukkan butir-butir orang yang hendak diambil kerja itu di dalam lesen.

(4) Pengambilan kerja seseorang pembantu tidaklah mengecualikan pemegang lesen daripada perenggan 13(1).

BAHAGIAN III

GERAI DAN PENJAJA

Ukuran gerai

15. (1) Tiada suatu gerai, selain daripada gerai yang dibina oleh Majlis atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun, boleh melebihi 2 meter panjang dan 1 meter lebar melainkan dikecualikan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada suatu petak peraga dinding pun boleh didirikan tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

Tambahan atau ubahan dilarang

16. (1) Tiada tambahan atau ubahan atau kajang atau apa-apa jenis atap boleh dibina di atas mana-mana gerai.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa meroboh atau mengalih tambahan atau ubahan atau kajang atau atap gerai yang telah dibina secara haram dan boleh mendapat kembali perbelanjaan yang ditanggung untuk menjalankan kerja itu daripada pemegang lesen.

Larangan

17. (1) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menjalankan perniagaannya—

(a) dalam lingkungan 9 meter dari persimpangan jalan;

(b) dalam lingkungan 3.6 meter dari pili bomba;

(c) di atas tangga, kaki lima atau laluan jalan kaki awam melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen; atau

(d) dalam lingkungan 40 meter dari mana-mana pagar sekolah.

(2) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan-pejalan kaki.

(3) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menggunakan pelaung, pembesar suara, mikrofon atau apa-apa alat lain untuk mempertingkatkan bunyi pada masa menjalankan perniagaan melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Mengosongkan tempat menjaja

18. Setiap penjaja sementara hendaklah mengosongkan petak atau tapaknya, gerai, kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam.

Penjaja beredar

19. (1) Seorang penjaja beredar tidak boleh menjalankan perniagaan di mana-mana tempat kecuali dalam suatu kawasan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Seorang penjaja beredar tidak boleh tinggal tetap di sesuatu tempat kecuali pada waktu dia sedang menjual makanan, minuman atau barang kepada pelanggan dan pada waktu tidak menjual dia hendaklah sentiasa bergerak.

Penjaja beredar yang menggunakan kenderaan

20. (1) Seorang penjaja beredar yang menggunakan kenderaan hanya boleh menjalankan perniagaannya di petak yang dibenarkan pada masa perniagaan yang ditentukan dalam lesen dan hendaklah memindahkan kenderaannya dari petak itu pada waktu perniagaannya ditutup.

(2) Tiada seorang pun penjaja beredar yang menggunakan kenderaan boleh meletakkan atau mendedahkan untuk jualan makanan, minuman, barang atau benda yang digunakan atau berhubung dengan perniagaannya di luar kenderaan tersebut.

(3) Jika kenderaan digunakan oleh penjaja beredar, saiz atau bentuk kenderaan itu hendaklah mengikut sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BARAGIAN IV

KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

Pemeriksaan kesihatan

21. Setiap pemegang lesen, yang menjalankan perniagaan makanan dan minuman dan pembantunya hendaklah dikenakan pemeriksaan kesihatan atau pelalian mengikut sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Kursus pengendali makanan

22. Setiap pemegang lesen yang menjalankan perniagaan makanan dan minuman dan pembantunya hendaklah menghadiri kursus pengendali makanan yang dianjurkan oleh mana-mana agensi atau pihak yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kebersihan

23. Setiap pemegang lesen hendaklah menjaga—

- (a) diri dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih;
- (b) gerai dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan sihat dan hendaklah mengecat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen; dan
- (c) kebersihan kawasan persekitarannya.

Kayu api atau arang tidak dibenarkan

24. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menggunakan kayu api atau arang di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penyebaran habuk, dsb.

25. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, asap, wap, haba gas, pancaran, bau hiduan, getaran, asap atau jelaga dari gerainya yang adalah suatu kacau ganggu atau mencemarkan udara.

Bising

26. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang boleh menyebabkan kacau ganggu semasa menjalankan aktiviti perniagaannya.

Pengawalan serangga dan binatang perosak

27. (1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mengambil langkah perlu untuk menjadikan gerainya atau apa-apa barang yang dicadang atau didedahkan untuk jualan bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya bebas daripada tikus, lalat, serangga, kutu, hama membiak atau lain-lain haiwan perosak dan pembawa penyakit.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa mengarahkan pemegang lesen untuk menjadikan gerainya bebas daripada tikus, lalat, serangga, kutu, hama membiak atau lain-lain haiwan perosak dan pembawa penyakit.

(3) Jika arahan di bawah perenggan (2) gagal dipatuhi, Pihak Berkuasa Melesen boleh melaksanakan arahan tersebut dan apa-apa perbelanjaan dilakukan oleh Pihak Berkuasa Melesen pada menjalankan apa-apa kerja dalam melaksanakan arahan tersebut hendaklah ditanggung oleh pemegang lesen, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberi suatu perakuan mengenai kos kerja itu kepada pemegang lesen dan kos yang diperakukan Pihak Berkuasa Melesen itu adalah muktamad.

Makanan dan minuman hendaklah ditutup

28. Seorang pemegang lesen hendaklah menyimpan makanan atau minuman di dalam bekas kaca atau apa-apa penutup lain untuk mengelakkan sentuhan atau dicemari oleh habuk, kotoran, asap, lalat atau serangga dan makanan atau minuman itu hendaklah dalam keadaan yang bersih.

Air untuk diminum, memasak atau membasuh

29. Tiada pemegang lesen boleh membekalkan untuk diminum atau digunakan untuk memasak atau membasuh atau apa-apa maksud lain berkaitan perniagaannya apa-apa air selain daripada bekalan air awam.

Kebersihan diri

30. Mana-mana orang yang menjual makanan atau minuman hendaklah menjaga diri dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih dan hendaklah memakai apron, penutup kepala dan apa-apa barang lain sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Mengadakan tong sampah

31. Pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas yang cukup daripada apa-apa jenis dan ukuran sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai tempat mengisi sampah dan semua tong atau bekas sampah hendaklah dilapis dengan beg plastik atau lain-lain jenis beg yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Sampah busuk, sampah pepejal basah dsb.

32. Semua sampah busuk atau sampah pepejal basah atau apa-apa sampah lain hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan diikat kemas atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Pembuangan sampah

33. Semua sampah dalam tong sampah hendaklah dibuang oleh pemegang lesen mengikut cara yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penyenggaraan gerai

34. (1) Pemegang lesen mana-mana gerai hendaklah menyenggara atau menyebabkan disenggara tiap-tiap bahagian gerai, termasuk pemasangan atau lekapan supaya berada dalam keadaan bersih dan dalam keadaan baik, lengkap dan selamat pada setiap masa.

(2) Pemegang lesen mana-mana gerai tidak boleh—

- (a) meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan atau membuang apa-apa habuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong, karung atau lain-lain barang ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa jua benda atau barang di suatu tempat di mana ianya atau zarah daripadanya telah masuk atau mungkin masuk ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (c) menjemur apa-apa benda makanan atau lain-lain benda atau barang di mana-mana longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (d) membuang, meletak, menumpahkan atau menabur apa-apa darah, air masin, cecair kotor atau benda-benda lain yang mengganggu atau kotor dari apa-apa jenis dialirkan atau masuk ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (e) menjatuhkan, menumpahkan atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, rumput kering, abu, sampah tred, sampah atau apa-apa barang lain atau benda masuk ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (f) mengayak, mengirai, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rambut, kertas buangan, bulu atau benda-benda lain dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya; atau
- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya.

BAHAGIAN V

PASAR MALAM DAN PASAR PAGI

Pasar malam dan pasar pagi

35. Pihak Berkuasa Melesen boleh menetapkan, menarik balik, membatalkan atau meminda tempat, hari dan waktu sesuatu pasar malam atau pasar pagi di kawasan Majlis.

Syarat dan sekatan

36. (1) Penjaja sementara di pasar malam atau pasar pagi hendaklah mematuhi semua syarat dan sekatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya menarik balik pengadaaan pasar malam atau pasar pagi jika penjaja sementara gagal mematuhi mana-mana syarat atau sekatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

37. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana gerai; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di gerai tersebut.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana gerai, pemegang lesen atau pembantunya hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana gerai itu, mengikut perenggan (2) di atas, adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa, setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam gerai itu tanpa waran dan menggeledah gerai itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana gerai yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, pemegang lesen atau pembantunya, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa membuka atau menyebabkan gerai itu dibuka, dan hendaklah membenarkan mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan pengeledahan di dalamnya dan jika gerai itu tidak dapat dimasuki, mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di gerai itu.

Pengeledahan

38. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana gerai; atau
- (b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh ditemui di mana-mana gerai,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa, yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah gerai itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa, ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana gerai; dan
- (b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan pengeledahan itu mungkin akan terkecewa,

Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh tanpa waran memasuki gerai itu dan menggeledah gerai itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana gerai itu.

Kuasa untuk menghendaki nama, dsb., diberikan

39. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang dengan semunasabahnya dipercayai telah melakukan atau mempunyai apa-apa kaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini supaya memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat dan butiran lengkap sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa itu.

Pemeriksaan ke atas orang perempuan

40. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 37 atau 38 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Penyitaan

41. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 37 dan 38, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana gerai, di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen atau pembantunya yang berada di gerai itu.

(3) Jika gerai tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menyita itu hendaklah bila mana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di gerai itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam gerai yang didalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Pelucuthakan

42. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakan jika ada pendakwaan

43. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, pelucuthakan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, Mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

Pelucuthakan jika tiada pendakwaan

44. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan tiada tuntutan dibuat oleh mana-mana pihak terhadap benda-benda yang disita selepas tamat tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen, benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucut hak apabila tamat tempoh yang ditetapkan tersebut.

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2) dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan dengan mengenakan suatu bayaran kos sitaan dan penyimpanan atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan
- (b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

45. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa untuk menutup gerai

46. (1) Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 37 dan 38 Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana gerai jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen; atau
- (b) penutupan itu adalah perlu untuk kepentingan awam.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menutup mana-mana gerai jika dia berpuas hati bahawa ia beroperasi tanpa lesen atau pun beroperasi dengan menggunakan lesen yang tidak sah.

Kuasa menangkap

47. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

- (a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau
- (b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Majlis tidak bertanggung atas kehilangan atau kerosakan

48. Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggung atas apa-apa kerosakan, kehilangan, tindakan dan tuntutan yang berlaku daripada tindakan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil ini.

Halangan, dsb.

49. Mana-mana orang yang menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang melaksanakan kewajibannya dengan sah di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Penalti

50. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Pendakwaan

51. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

52. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh di kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.

Pembatalan dan peralihan

53. (1) Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Kinta Barat) 1981 [Pk. P.U. 12/17 Mac 1983] dibatalkan.

(2) Walau apa pun peruntukan perenggan (1), apa-apa notis, perintah atau kompaun yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus kekal berkuat kuasa menjadi sah seolah-olah ianya dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sehingga dibatalkan oleh Majlis.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 4(3)]

FI PEMPROSESAN LESEN

Fi Pemprosesan Lesen : RM30.00

[Perenggan 7(2)]

FI PEMPROSESAN PINDAHMILIK LESEN

Fi Pemprosesan: 20% daripada fi lesen

[Perenggan 8(2)]

FI PEMINDAHAN GERAI

Fi bagi pemindahan gerai : RM20.00

[Perenggan 9(3)]

FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

Salinan lesen diperakui : RM20.00

[Perenggan 12(1)]

FI PENGGANTIAN LESEN

Fi bagi penggantian lesen : RM30.00

JADUAL KEDUA

[subperenggan 4(4)(a)]

FI LESEN

No.	Jenis	Kadar Fi (RM)
1.	Penjaja beredar:	
	(a) tanpa kenderaan (berjalan kaki);	50.00 setahun
	(b) basikal dan basikal roda tiga;	50.00 setahun
	(c) motosikal dan skuter;	50.00 setahun
	(d) kereta, van, lori dan bas;	240.00 setahun
	(e) sampan dan rakit;	100.00 setahun
	(f) kapal dan bot; dan	100.00 setahun
	(g) lain-lain kenderaan	240.00 setahun
2.	Penjaja statik	240.00 setahun
3.	Gerai (tidak lebih 20m ²)	240.00 setahun
4.	Gerai (melebihi 20m ²)	480.00 setahun
5.	Penjaja sementara bagi satu petak	10.00 sehari
6.	Penjaja sementara buah-buahan bermusim	10.00 sehari
7.	Penjaja sementara pada hari-hari perayaan, sambutan, upacara istimewa bagi satu petak	10.00 sehari

No.	Jenis	Kadar Fi (RM)
8.	Penjaja sementara di pasar malam atau pasar pagi bagi satu petak	5.00 sehari
9.	Penjaja pasar malam atau pasar pagi	240.00 setahun

Dibuat pada 22 Januari 2020
[MDBG.JUU.15/2014; Pk. P.U. 112/75 (V)]

MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI
Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah

Disahkan pada 4 Mac 2020
[Pk. P.U. 112/75 (V)]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak